Pernyataan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) tentang Kemudahan Pendanaan bagi Penyelesaian Pembayaran Runcit (FRPS) Melalui Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS)

Bahagian I: Pernyataan MPS menurut seksyen 52(1)(b) Akta Bank Negara Malaysia 2009

Kemudahan Pendanaan bagi Penyelesaian Pembayaran Runcit (Funding Facility for Retail Payments Settlement, FRPS)[1] ialah kemudahan pendanaan yang ditawarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) kepada peserta Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities, RENTAS) yang tidak dapat melakukan penyelesaian runcit disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi dalam akaun tunai RENTAS mereka.

MPS pada mesyuarat yang ke-230 bertarikh 29 Mei 2023, mesyuarat ke-234 bertarikh 25 September 2023 dan mesyuarat ke-235 bertarikh 30 November 2023 telah menetapkan bahawa cadangan struktur FRPS yang berikut adalah patuh Syariah:

1. Penjualan mutlak sekuriti oleh institusi kewangan Islam (IKI) kepada BNM, dan pembelian mutlak sekuriti oleh IKI daripada BNM pada hari yang sama (FRPS intrahari) atau pada hari operasi[2] RENTAS yang berikutnya (FRPS semalaman).

2. Penjualan dan pembelian sekuriti bagi kedua-dua transaksi dilakukan secara automatik melalui pelantikan BNM selaku wakil kepada IKI untuk melaksanakan transaksi tersebut dalam RENTAS.

3. Pemindahan pemilikan sekuriti dalam RENTAS berlaku dengan cara penjual melepaskan hak pemilikan (*takhliyah*), yang menyebabkan pembeli memiliki akses (*tamkin*) kepada sekuriti tersebut melalui serah terima konstruktif (*qabd hukmi*). Setiap transaksi jual beli dibuktikan melalui pemberitahuan daripada BNM kepada IKI. Pemberitahuan ini mengandungi butiran transaksi termasuk kod stok, amaun nominal, harga dan pihak berkontrak.

Bahagian II: Peruntukan Undang-Undang dan Pemakaiannya

2.1. Bahagian I Pernyataan MPS ini dibuat menurut seksyen 52(1)(b) dan seksyen 55(1)(b) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM).

2.2. Pernyataan MPS ini bertujuan memberikan penjelasan dari segi Syariah berhubung dengan keharusan FRPS dan mengesahkan bahawa penggunaan semasa kemudahan ini oleh IKI adalah patuh Syariah.

2.3. Pernyataan MPS ini hendaklah dibaca bersama instrumen perundangan lain yang berkaitan serta dokumen dasar yang telah diterbitkan oleh BNM, khususnya Operational Procedures

[1] Sebelum ini dikenali sebagai Automated Collateralized Overnight Funding Facility (ACOFF). Nama ini ditukar bagi mencerminkan mekanisme dan kontrak Syariah yang mendasarinya.

[2] Merujuk mana-mana hari kalendar dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

for Malaysian Ringgit (MYR) Settlement in the Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities System (RENTAS) yang diterbitkan pada 29 September 2025 (termasuk pindaan dari semasa ke semasa).

Bahagian III: Latar Belakang

3.1 FRPS merupakan kemudahan pendanaan yang disediakan oleh BNM kepada peserta RENTAS bagi memudahkan:

(i) IKI membuat Penyelesaian Pembayaran Runcit (Retail Payments Settlement, RPS) dan Penyelesaian Petang MYR (MYR Evening Settlement); dan

(ii) Institusi kewangan konvensional menguruskan Kredit Intrahari MYR yang belum dibayar pada tempoh tamat masa (*cut-off time*) RPS dan Penyelesaian Petang MYR.

3.2 Kemudahan ini diberikan melalui penjualan mutlak sekuriti berkelayakan daripada akaun K[3] peserta kepada BNM. Kemudian, pembelian sekuriti oleh peserta yang sama dilaksanakan pada hari yang sama atau pada hari operasi RENTAS yang berikutnya.

3.3 Model semasa Penyelesaian Bersih Tertangguh (Deferred Net Settlement, DNS) bagi RPS mendedahkan peserta RENTAS kepada risiko kredit dan risiko penyelesaian. Bank penerima mengkreditkan akaun pelanggan pada masa nyata namun menerima dana daripada bank pembayar secara tertangguh (T+1 melalui dua tetingkap penyelesaian dalam RENTAS).

3.4 Dedahan kredit antara bank pembayar dengan bank penerima dijangka terus meningkat seiring dengan trend peningkatan transaksi RPS. Dedahan kredit yang tinggi kebiasaannya dilihat pada hujung minggu dan cuti umum kerana penyelesaian hanya berlaku pada hari operasi RENTAS yang berikutnya. Bagi menangani risiko ini, BNM telah memperkenalkan RPS pada hujung minggu dan cuti umum.

3.5 Dalam hal ini, MPS telah dirujuk berkenaan dengan cadangan mekanisme baharu FRPS yang melibatkan transaksi penjualan dan pembelian secara automatik menggunakan kontrak *wakalah* seperti yang berikut:

(i) Penjualan FRPS secara mutlak: Apabila baki dalam Akaun Penyelesaian MYR IKI berkurang, BNM bagi pihak IKI akan melaksanakan secara automatik penjualan mutlak sekuriti berkelayakan FRPS yang terdapat dalam akaun K IKI kepada BNM untuk mendapatkan dana daripada BNM bagi menyelesaikan transaksi RPS.


(ii) Pembelian FRPS secara mutlak: BNM, bagi pihak IKI, akan secara automatik melaksanakan pembelian mutlak sekuriti FRPS yang telah dijual bagi IKI yang mempunyai lebihan dana dalam Akaun Penyelesaian MYR pada tetingkap penyelesaian seterusnya.

(iii) Pemindahan pemilikan sekuriti dalam RENTAS berlaku melalui serah terima konstruktif.

[3] Merujuk akaun cagaran bagi sekuriti tanpa skrip dalam sistem RENTAS yang dipegang oleh BNM.

3.6 Mekanisme baharu FRPS akan beroperasi berdasarkan struktur yang berikut:

Ilustrasi Cadangan Mekanisme FRPS



Isu Syariah

1. Adakah pengaturan dwiagensi dalam FRPS melalui peranan BNM selaku wakil IKI untuk melaksanakan transaksi dengan dirinya sendiri telah memenuhi keperluan Syariah?
2. Adakah jual beli FRPS secara automatik dilaksanakan mengikut keperluan Syariah?
3. Adakah pemindahan pemilikan sekuriti dalam FRPS melalui serah terima konstruktif selari dengan keperluan Syariah bagi kontrak jual beli yang sah?

Bahagian IV: Perbincangan Utama

Penggunaan wakalah dan transaksi secara automatik adalah selari dengan Syariah

4.1 Peranan BNM sebagai wakil bagi jual beli FRPS adalah berdasarkan kapasiti BNM selaku pemilik dan pengendali RENTAS yang memastikan transaksi jual beli FRPS secara automatik dilaksanakan dengan jaya.

4.2 Transaksi jual beli secara automatik yang dicadangkan adalah untuk meningkatkan kecekapan FRPS dan mengurangkan risiko operasi dan ketidakpatuhan Syariah, kerana semua transaksi dilaksanakan secara teratur dan tepat pada masanya berdasarkan perjanjian serta terma dan syarat yang telah dipersetujui.

4.3 Cadangan untuk membenarkan transaksi automatik seperti ini adalah selaras dengan keputusan MPS pada mesyuaratnya yang ke-199 bertarikh 26 November 2018 yang telah meluluskan pelaksanaan *tawarruq* melalui proses automasi sepenuhnya (*straight-through process*, STP).

Sekuriti berkelayakan FRPS

4.4 Sekuriti berkelayakan FRPS terdiri daripada:
(i) sekuriti RENTAS khusus yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia dan BNM; dan
(ii) sekuriti RENTAS yang tidak ditentukan (*non-specified RENTAS Securities*) dengan penarafan kredit minimum AAA ke atas.

4.5 Hanya sekuriti patuh Syariah layak diurusniagakan dalam FRPS. Sehubungan dengan itu, IKI dikehendaki untuk memastikan sekuriti yang tidak patuh Syariah atau tidak boleh didagangkan tidak didepositkan ke dalam akaun K mereka.

4.6 Bagi menangani kemungkinan berlakunya pertikaian berhubung dengan kupon/keuntungan sekuriti yang berhak diperoleh, sekuriti dalam akaun K IKI tidak lagi menjadi sekuriti berkelayakan FRPS dua (2) hari operasi sebelum tarikh penebusan akhir sekuriti atau tarikh penebusan awal atau tarikh penebusan separa atau tarikh kupon. IKI hendaklah memantau profil kupon dan penebusan sekuriti dalam akaun K mereka untuk memastikan tidak ada kekurangan sekuriti berkelayakan FRPS yang disebabkan oleh pembayaran dan penebusan kupon pada masa akan datang.

Harga jualan dan belian FRPS dipersetujui secara bersama oleh IKI dan BNM

4.7 Harga bersih sekuriti berkelayakan FRPS yang dijual kepada BNM dikira seperti yang berikut:

> Harga bersih = [100 – Margin]/100 X [Harga Pasaran Bersih Sekuriti Berkelayakan][4]

4.8 Pembelian mutlak FRPS adalah pada harga bersih yang sama dengan harga bersih penjualan mutlak FRPS.

4.9 Keuntungan FRPS hanya terpakai bagi pembelian mutlak yang dilaksanakan pada hari operasi RENTAS berikutnya (FRPS Semalaman), dikira seperti yang berikut:

> Keuntungan FRPS = Dana diperoleh melalui FRPS x Kadar FRPS x Bil. Hari/365
>
> Iaitu:
> - Kadar FRPS = Kadar Tertinggi (buat masa ini pada OPR[5] + 25 mata asas)
> - Bil. Hari = Hari Operasi Pembelian Mutlak FRPS – Hari Operasi Penjualan Mutlak FRPS

4.10 Formula harga yang disebutkan di atas, yang dipersetujui secara bersama oleh IKI dan BNM, telah digariskan dalam Operational Procedures for Malaysian Ringgit (MYR) Settlement in the Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities System (RENTAS).

[4] Margin yang terpakai akan ditetapkan oleh BNM. Harga bersih sekuriti berkelayakan boleh dirujuk dalam Fully Automated System for Issuance and Tendering (FAST).
[5] Overnight Policy Rate (Kadar Dasar Semalaman).

Penjualan dan pembelian FRPS tidak menyerupai struktur bai` `inah

4.11 Walaupun transaksi jual beli sekuriti melibatkan dua pihak berkontrak yang sama, cadangan struktur FRPS adalah berbeza daripada *bai` `inah* berdasarkan pertimbangan yang berikut:

(i) kedua-dua transaksi FRPS dilaksanakan secara tunai, manakala salah satu transaksi dalam *bai` `inah* melibatkan bayaran secara bertangguh;

(ii) kontrak jualan dan belian yang dilaksanakan adalah kontrak yang sah kerana tujuan setiap kontrak tidak bertentangan antara satu sama lain; dan

(iii) berlaku pemindahan pemilikan sekuriti secara sah dalam setiap kontrak jualan dan belian kerana pembeli memiliki hak untuk melakukan transaksi (*tasarruf*) menggunakan sekuriti tersebut.

Bahagian V: Asas Pertimbangan Pernyataan MPS

Keharusan dwiagensi dalam struktur FRPS

5.1 Tiada larangan Syariah berhubung dengan pelaksanaan pengaturan dwiagensi dalam FRPS. Struktur tersebut adalah mengikut keperluan yang dinyatakan dalam Dokumen Dasar *Wakalah*:

(i) Hak, liabiliti dan tanggungjawab pihak yang berkontrak, termasuk spesifikasi tugas-tugas yang dibenarkan kepada wakil (BNM) akan ditentukan lebih awal dan dipersetujui oleh prinsipal (IKI).

(ii) Formula harga jualan dan belian FRPS yang telah dipersetujui bukan sahaja dapat mengelakkan ketidakpastian (*gharar*) tetapi juga menangani isu konflik kepentingan berhubung dengan pengaturan dwiagensi.

5.2 Menurut fuqaha Maliki dan Hanbali, wakil dibenarkan untuk menjual barangan kepada dirinya sendiri dengan syarat wakil memenuhi semua ketetapan yang ditentukan oleh prinsipal, dan persetujuan prinsipal hendaklah diperoleh sebelum seseorang wakil boleh menjual barangan kepada dirinya sendiri. Ketetapan ini dinyatakan oleh Al-Dusuki seperti yang berikut:

فإن اشترى الوكيل لنفسه بعد تناهي الرغبات أو أذنه الموكل في شرائه لنفسه جاز شراؤ [6]

"Apabila seseorang wakil membeli sesuatu untuk dirinya sendiri setelah memenuhi segala keperluan yang ditetapkan atau prinsipal telah memberi kebenaran untuk menjualnya kepada dirinya sendiri maka jualan tersebut adalah diharuskan."

[6] Muhammad bin Ahmad al-Dusuki, *Hasyiah al-Dusuki*, (Damsyik: Dar al-Fikr), 3:387. Hal ini selari dengan pandangan fuqaha Hanbali. Rujuk: Mansur bin Yunus al-Buhuti, *Sharh Muntaha al-Iradat*, (Beirut: 'Alam al-Kutub, 1, 1414H – 1993M), 2:195.

(ولا يصح بيع وكيل لنفسه) بأن يشتري ما وكل في بيعه من نفسه لنفسه (ولا) يصح (شراؤه منها) أي نفسه (لموكله) بأن وكل في شراء شيء فاشتراه من نفسه لموكله، ; لأنه خلاف العرف في ذلك، وكما لو صرح فقال له: بعه أو اشتره من غيرك، وللحوق التهمة له في ذلك (إلا إن أذن) موكل لوكيله في بيعه لنفسه، أو شرائه منها.

Keharusan mekanisme serah terima konstruktif dalam RENTAS

5.3 Serah terima konstruktif yang dilaksanakan dalam RENTAS memenuhi keperluan pemindahan pemilikan berdasarkan pengaturan yang berikut:

5.4 Menurut fuqaha, tidak ada spesifikasi yang menentukan sesuatu itu dianggap sebagai serah terima (*qabd*).[7] Oleh itu, asas untuk menentukan bentuk serah terima adalah berdasarkan amalan lazim perniagaan (*`urf*). Hal ini selaras dengan kaedah fikah yang berikut:

كل ما ورد به الشرع مطلقا، ولا ضابط له فيه، ولا في اللغة، يرجع فيه إلى العرف[8]

"Setiap yang dinyatakan oleh Syarak secara mutlak, tanpa spesifikasi atau had dari sudut Syariah atau bahasa, adalah tertakluk pada amalan lazim masyarakat."

Bahagian VI: Implikasi Pernyataan MPS

6.1 Pernyataan MPS ini memberikan kejelasan berhubung dengan keharusan cadangan struktur FRPS. Hal ini menjamin kepatuhan Syariah yang menyeluruh dalam aktiviti dan operasi IKI.

6.2 Cadangan transaksi secara automatik, pengaturan dwiagensi dan mekanisme serah terima konstruktif dapat meningkatkan kecekapan operasi FRPS dalam memudahkan RPS dan penyelesaian petang MYR oleh IKI. Hal ini dapat membantu mengurangkan risiko kredit dan risiko penyelesaian IKI semasa hujung minggu dan cuti umum menerusi mudah tunai yang mencukupi untuk membuat penyelesaian tepat pada masanya.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, versi bahasa Melayu akan diutamakan.

---

[7] Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 1415H – 1994M), 2:467:

لأن الشارع أطلق القبض وأناط به أحكاما ولم يبينه ولا له حد في اللغة فيرجع فيه إلى العرف.

Ahmad bin Taimiyyah, *Majmu' al-Fatawa*, (Madinah: Majma' al-Malik Fahd, 1425H – 2004M), 29:16:

وما لم يكن له حد في اللغة ولا في الشرع: فالمرجع فيه إلى عرف الناس كالقبض المذكور في قوله صلى الله عليه وسلم " {من ابتاع طعاما فلا يبعه حتى يقبضه}.

Hamd bin Muhammad al-Khattabi, *Ma'alim al-Sunan*, 3:136:

القبوض تختلف في الأشياء حسب اختلافها في أنفسها وحسب اختلاف عادات الناس فيها فمنها ما يكون بأن يوضع المبيع في يد صاحبه ومنها ما يكون بالتخلية بينه وبين المشتري.

[8] Abdul Rahman al-Suyuti, *al-Asybah wa al-Nazair fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyyah*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, 1403H – 198M), 98.
Muhammad Mustafa al-Zuhaili, *al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*, (Damsyik: Dar al-Fikr, 1467H – 2006M), 1:314

كل اسم ليس له حد في اللغة، ولا في الشرع، فالمرجع فيه إلى العرف